

D.R. 19/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memansuhkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952, untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu, untuk memindahkan semua hartanya kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994. Tajuk rmgkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"KTMB" ertinya Keretapi Tanah Melayu Berhad;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu yang ditubuhkan di bawah

Ord 21/1952. seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952;

"Lembaga" ertinya Lembaga pengurus yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan.

Pemansuhan dan pemoubaran.

3. Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952 adalah dimansuhkan dan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawahnya adalah dibubarkan.

Pemindahan harta.

4. Segala harta alih dan aset yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah terletak pada Kumpulan Wang atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dipindahkan kepada, dan diletakkan pada, KTMB.

Pemindahan wang.

5. Tertakluk kepada seksyen 7, semua wang yang ada dalam Kumpulan Wang atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dipindahkan kepada, dan diletakkan pada, KTMB.

Kontrak yang sedia ada.

6. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang masih berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan yang menyentuh apa-apa harta yang dipindahkan di bawah seksyen 4 dan 5, hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau untuk KTMB dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah KTMB dan bukan Lembaga, Kumpulan Wang, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu itu, atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

**KUMPULAN WANG SIMPANAN KERETAPI 3
TANAH MELAYU (PEMBUBARAN)**

7. Segala amaun yang ada pada kredit setiap pendeposit dalam Kumpulan Wang yang merupakan caruman kepada Kumpulan Wang itu oleh kedua-dua Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sebagai majikan dan pendeposit sejak 1hb Julai 1952 bersama-sama dengan apa-apa dividen, bonus dan bunga di atasnya hendaklah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, dan hendaklah diuruskan mengikut peruntukan Akta itu.

Pemindahan kumpulan wang pendeposit kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Akta 452

8. (1) Mana-mana presiding sivil atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap KTMB sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang itu seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan.

Penerusan prosiding sivil.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini terhadap sesuatu keputusan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dalam mana-mana presiding undang-undang yang kepadanya Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya telah menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap KTMB.

9. Semua kaedah yang dibuat di bawah seksyen 11 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952 adalah dimansuhkan sebaik sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

Pemansuhan kaedah-kaedah.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952, membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu dan memindahkan kumpulan wangnya, selain daripada kumpulan wang pendepositnya, kepada

Keretapi Tanah Melayu Berhad iaitu sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Keretapi 1991 untuk mengambil alih perkhidmatan keretapi daripada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dibubarkan. Kumpulan Wang itu dibiayai dan ditadbirkan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dibubarkan sejak 1hb Ogos 1992 apabila perkhidmatan keretapi diswastakan, dan telah terhenti daripada mencapai tujuan yang baginya ia ditubuhkan.

Rang Undang-Undang ini memperuntukkan—

- (a) bagi pemindahan semua harta alih dan aset Kumpulan Wang yang lain kepada KTMB;
- (b) bagi pembayaran semua wang yang ada dalam Kumpulan Wang atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang kepada KTMB;
- (c) bagi penguatkuasaan semua kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap KTMB;
- (d) bagi pemindahan semua amaun yang ada pada kredit setiap pendeposit dalam Kumpulan Wang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (e) bagi penerusan presiding sivil oleh atau terhadap KTMB sebagai penggantian dengan Lembaga; dan
- (f) bagi pemansuhan semua kaedah yang dibuat di bawah Ordinan yang melibatkan Lembaga dan Kumpulan Wang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1781.]